

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

# INFO@MAFI



# MAFI GIAT PROMOSI

# MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show



[www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my) @mafimalaysia



# PELANCARAN FLAG OFF MRT PROMOSI MAHA 2022

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melancarkan program flag off bagi mempromosi *Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism* atau lebih dikenali sebagai MAHA edisi tahun 2022 di laluan MRT Sungai Buloh ke Kajang pada 15 Julai 2022 yang lalu. Majlis telah disempurnakan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Menurut YBM MAFI, MAHA 2022 merupakan pameran pertanian terbesar dan berprestij yang akan menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian yang bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi-inovasi tempatan dan luar negara, strategi-strategi pemasaran dan pengeluaaran secara efektif serta lain-lain pendekatan yang mampu membantu sektor tersebut.

Bertemakan Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan atau *Food Security for the Future*, MAHA 2022 yang diadakan secara dwi-tahunan ini walaupun secara khusus adalah mengenai pertanian, hortikultur dan agro-pelancongan, namun ia telah berkembang sehingga menjadi sebahagian dari landskap negara yang memamerkan kemajuan serta pencapaian Malaysia.

Laluan MRT Kajang dipilih kerana laluan ini mempunyai sebanyak 29 buah stesen, dengan jumlah sebanyak 58 buah MRT, dan juga 25 buah pasaraya berdekatan di sepanjang laluan.

MAHA 2022 akan diadakan pada 4 hingga 14 Ogos 2022 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

Hadir sama, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan I, YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan II, Datuk Mohd Zarif Hashim, CEO MRT Corp dan barisan pengurusan tertinggi MAFI.







# MAFI ANJUR MAHA RUN SEMPENA PROMOSI MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism atau lebih dikenali sebagai MAHA akan diadakan pada 4 hingga 14 Ogos 2022 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

MAHA 2022 akan menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian yang bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi-inovasi tempatan dan luar negara, strategi-strategi pemasaran dan pengeluaran secara efektif serta lain-lain pendekatan yang mampu membantu sektor tersebut. Promosi MAHA 2022 terus dipergiat sehingga hari terakhir sebelum bermula penganjuran majlis berprestij ini.

Antara program promosi yang giat dilakukan adalah Program Media Tour seluruh negara yang berkonsepkan *Street Attack* dan *Walkabout* bagi mempromosi MAHA 2022.

Program *Street Attack* sebelum ini telah diadakan pada 13 Julai 2022 yang diisi dengan program zumba dalam kalangan warga kementerian dan agensi di bawahnya. Program ini dianjurkan bagi mempromosi program Larian MAHA 2022@MAEPS Serdang.

Larian MAHA 2022 yang disertai seramai 1,000 peserta bertujuan untuk mempromosi MAHA 2022 dan untuk membuat hebahan mengenai acara-acara menarik yang ada di MAEPS sepanjang program berlangsung. Penganjuran program ini diyakini mampu membantu untuk melonjakkan impak promosi dan publisiti MAHA 2022.







## MEDIA TOUR SEMPENA MAHA 2022

YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan rakan-rakan media dari pelbagai agensi terlibat dalam Program Media Tour MAHA 2022 di MAEPS, Serdang pada 31 Julai 2022 yang lalu.

Ia merupakan sebahagian daripada aktiviti khas MAFI bagi meninjau persiapan di tapak selain bertujuan untuk mempromosi MAHA 2022 yang merupakan pameran pertanian terbesar dan berprestij yang bakal menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi-inovasi tempatan dan luar negara, strategi-strategi pemasaran dan pengeluaran secara efektif serta pendekatan lain yang mampu membantu sektor tersebut.

Menjelang MAHA 2022, YBM amat berpuas hati dengan persiapan oleh pelbagai agensi dan usahawan yang melibatkan 8 (lapan) laman dan 22 segmen pada penganjuran pada MAHA 2022.

Pihak MAFI merakamkan penghargaan kepada 27 agensi dan pihak swasta termasuk syarikat GLC atas pembelian pakej-pakej penajaan.

Pada majlis sama, YBM MAFI turut melancarkan kad istimewa Agrobank untuk MAHA 2022 yang dikenali sebagai Takaful Kasih Plus Edisi MAHA 2022 iaitu satu pelan perlindungan yang direka khas dengan bayaran serendah RM10.60 setahun.

Kad Eksklusif Takaful Edisi MAHA 2022 juga ditawarkan kepada pelanggan yang melanggan mana-mana pelan Takaful Kasih Plus di Pusat MAEPS Serdang sepanjang MAHA 2022 berlangsung.

Majlis Perasmian MAHA akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 6 Ogos 2022.







## MAJLIS PRA PELANCARAN PAVILION AGROTECH SEMPENA MAHA 2022

YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah merasmikan Pelancaran Pavilion AgroTech MAHA 2022 di Lobi Wisma Tani Expo MAHA 2022 pada 29 Julai 2022 yang lalu.

Sebanyak (8) pempamer telah menyertai Pavilion AgroTech yang terdiri daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Agrobank, Bioeconomy Corporation, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Aerodyne Group dan SAT.ASIA.

Pavilion AgroTech akan menampilkan teknologi yang terbaharu termasuklah Internet of Things (IoT), sistem pengurusan ladang pintar (smart farming), kilang tanaman (plant factory), dron pertanian, teknologi robotik, pengurusan data pertanian, sistem maklumat geografi (GIS) dan bioteknologi di MAHA 2022

Pavilion AgroTech merupakan salah satu daripada 22 segmen pameran yang terdapat dalam Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism (MAHA) 2022 yang diadakan pada 4 hingga 14 Ogos bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

## MAJLIS PRA PELANCARAN LAMAN AGRO-FOOD FLORIKULTUR SEMPENA MAHA 2022

Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah menganjurkan Majlis Pra Pelancaran Laman Agro-Food Florikultur sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022. Laman Agro-Food Florikultur ini berkonsepkan Miracle Garden yang menonjolkan keindahan landskap pelbagai jenis kombinasi bunga-bunga yang unik bersama tanaman edible menyegarkan dengan aspek pertanian pintar untuk dinikmati oleh para pengunjung.

Selain itu, DOA juga mengetengahkan Program Pertanian Komuniti (Kebuniti) yang bertujuan untuk menggalakkan penduduk bandar dan luar bandar bercucuk tanam dengan tanaman sayur-sayuran kegunaan harian seperti cili, kunyit, halia, kubis, sawi, bayam dan salad. Inisiatif Jabatan Pertanian melalui program ini mampu menjimatkan perbelanjaan dapur dan sekaligus mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Sebagai simbolik Majlis Pra Pelancaran Laman Agro-Food Florikultur, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh telah menyampaikan kit pertanian bandar kepada sepuluh (10) orang penerima yang mewakili komuniti penduduk Putrajaya. Turut hadir sama pada majlis hari ini, YBhg. Dato' Eliyas bin Saad, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri & Pengembangan) dan Puan Nor Sam binti Alwi, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan & Regulatori).





# LENSA

## ROAD TO MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show





## TINJAUAN OPERASI EKSPORT PRODUK PERTANIAN DI KLIA KARGO



YB Menteri MAFI mengadakan lawatan kerja ke Kompleks KLIA Kargo, Sepang bagi melihat sendiri aktiviti pengoperasian, pengimportan dan pengeksportan hasil pertanian negara pada 14 Julai 2022 yang lalu.

KLIA Kargo merupakan salah satu daripada 57 pintu masuk produk pertanian negara dan merupakan pintu masuk utama bagi komoditi bunga segar, produk tenusu, benih ikan dan lain lain.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sentiasa berwaspada serta peka terhadap aktiviti import dan eksport produk pertanian bagi memastikan biosekuriti negara terjamin.

Sebanyak 14,400 transaksi kemasukan di pintu masuk KLIA Kargo sehingga Jun 2022. Secara purata KLIA Kargo menerima kemasukan 13,500 tan metrik produk pertanian bernilai RM392 juta setiap bulan.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi memudahcara prosedur pengimportan bahan makanan ke dalam negara seperti penangguhan fi import permit ke atas beberapa komoditi makanan seperti jagung, soya, gandum, ayam bulat dan komoditi asas makanan ternakan.

Selain itu, MAQIS juga telah melaksanakan proses kemasukan pantas 24 jam di pintu-pintu masuk negara bagi komoditi makanan tersebut, dalam usaha melancarkan proses pengimportan dan sekaligus mengurangkan kos logistik yang terlibat dalam aktiviti pengimportan.

Proses kemasukan pantas di pintu-pintu masuk negara memberi impak yang baik kerana ia membantu pelancaran proses pengimportan 380 syarikat yang berdaftar sebagai pengimport produk makanan haiwan.

## REVOLUSI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PERTANIAN KE ARAH REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT



Jabatan Pertanian Malaysia telah menganjurkan Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 dengan tema "Revolusi Teknologi Kejuruteraan Pertanian ke arah 4IR" untuk berkongsi kepakaran teknologi kejuruteraan pertanian dan membentuk jaringan kerjasama strategik dengan pemain industri yang berkaitan.

Selaras dengan teras utama Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030 (DAN 2.0), penerima gunaan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) melalui pemodenan dan pertanian pintar amat penting bagi meningkatkan produktiviti hasil pertanian bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Penggunaan teknologi moden yang dipamerkan adalah seperti dron, sensor, robotic, internet kebendaan (IoT) dan Teknologi Pertanian Tepat (Precision Farming), menjadi elemen penting dalam kejuruteraan pertanian bagi meningkatkan produktiviti sistem makanan negara.

Kementerian mengalu-alukan penyertaan syarikat-syarikat pembekal teknologi untuk turut menyumbang kepakaran dalam usaha mentransformasikan industri agromakanan negara.

Jabatan Pertanian telah menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak swasta melalui Participatory Observation (PO) atau pemerhatian teknologi terpilih di lapangan bagi menentusahkan keberkesanan teknologi yang ditawarkan oleh penyedia teknologi sebelum dihebahkan kepada golongan sasaran.







## MAJLIS PELANCARAN VARIETI PADI SPESIALTI BAHARU (MRQ103: MARIA)

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) terus menghasilkan baka/varieti baharu tanaman yang terbaik. Satu varieti baharu padi spesialti telah dilancarkan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Plot Petani Parit 1 Timur, Sungai Besar, Selangor pada 15 Julai yang lalu.

MARDI memperkenalkan satu varieti padi spesialti baharu MRQ 103 iaitu 'MARIA' singkatan bagi MARDIRiceAroma. Varieti ini dihasilkan melalui kacukan di antara MRQ 89 dan MRQ 50. Ini juga sejajar dengan peningkatan permintaan terhadap beras wangi yang berkualiti dan mempunyai nilai kesihatan.

Ciri-ciri menarik varieti ini termasuklah matang sekitar 117 – 120 hari selepas tanam, pokok yang rendah sekitar 105 cm dan prestasi hasil sehingga 5.8 tan/ha. Varieti ini tergolong dalam kategori beras yang panjang dan tirus, beraroma serta kandungan amilosa yang sederhana. Tekstur nasi adalah seroi, tidak melekit dan mempunyai kandungan indeks glisemik (GI) yang rendah dan sangat sesuai untuk pesakit diabetis.

Varieti ini juga sederhana rintang terhadap penyakit karah dan benah perang, namun begitu, sederhana rentan kepada penyakit hawar daun bakteria, hawar seludang dan penyakit merah virus (tungro). Pengisytiharan varieti padi spesialti baharu MRQ 103 atau 'MARIA' ini diharap dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia terutamanya para petani dan pengguna beras spesialti tempatan sekaligus memperkukuhkan industri padi dan beras spesialti negara.

Dalam majlis ini juga, turut diadakan majlis menandatangani dokumen pelesenan eksklusif di antara MARDI dan Syarikat Padi Pukal Parit 7 (Sekincan) Sdn. Bhd. Kerjasama pintar (smart partnership) MARDI dengan pihak swasta ini, bagi membolehkan padi spesialti ini dapat diperluaskan pengeluarannya secara komersial dengan skala lebih besar.

Sejak penubuhan MARDI pada 1969, MARDI telah berjaya menghasilkan 53 varieti padi yang terdiri daripada 40 varieti padi biasa, 12 varieti padi spesialti dan satu varieti padi hibrid. Setiap varieti yang dibangunkan adalah untuk mendapatkan hasil yang lebih tinggi, menyelesaikan masalah semasa seperti penyakit dan perosak di samping memenuhi citarasa rakyat Malaysia.

Varieti baharu ini diharap dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia terutamanya para petani dan pengguna beras spesialti tempatan sekaligus memperkukuhkan industri padi dan beras spesialti negara.





## SAMBUTAN HARI INOVASI JABATAN PERTANIAN

Sambutan Hari Inovasi Jabatan Pertanian bertemakan Inovasi Peneraju Transformasi Pertanian ke Arah IR4.0 diadakan sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada mereka yang berjaya menghasilkan inovasi yang signifikan serta memberi impak yang besar kepada sektor agromakanan negara.

Penghasilan inovasi adalah melalui pembaharuan dan penambahbaikan produk atau perkhidmatan yang lebih baik daripada cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif.

Program ini merupakan komitmen dan inisiatif Jabatan Pertanian bagi menyemai dan memperkasa budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga Jabatan dan petani melalui penghasilan pelbagai produk inovasi yang berteknologi berteraskan Revolusi Perindustrian IR4.0.

Inovasi dan kreatif amat penting untuk mengatasi cabaran sekuriti makanan yang berlaku khususnya sepanjang rantai bekalan makanan dalam agenda transformasi sektor pertanian.

Pertandingan Inovasi Teknologi Pertanian Kategori Pegawai dan Petani melibatkan 66 orang peserta iaitu 40 peserta kategori pegawai dan 26 peserta kategori petani.

Sambutan Hari Inovasi ini dapat menyemarakkan lagi persaingan sihat dalam kalangan warga kerja Jabatan Pertanian ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan serta membudayakan kerja cemerlang, kreatif dan berinovatif.



## PROGRAM KHAS JUALAN TERUS DARI LADANG KELUARGA MALAYSIA



Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah menganjurkan Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) di pekarangan Ibu Pejabat FAMA, Selayang, pada 1 Julai lalu.

Program ini dilihat memberi ruang kepada pengguna untuk mendapatkan keperluan harian dengan memberi nilai penjimatan kepada pengguna sekurang-kurangnya 5% hingga 10% dari harga pasaran setempat bagi produk terpilih.

Pelaksanaan program khas JTDLKM ini bertepatan dalam membantu mengurangkan kesukaran rakyat mendapat bekalan makanan dan memberi ruang pasaran kepada usahawan disamping meningkatkan pendapatan mereka.

Program JTDLKM ini dilaksanakan di lokasi kawasan perumahan, pejabat kerajaan dan projek-projek peruncitan bimbingan agensi-agensinya. Program ini merupakan kerjasama tiga agensi di bawah MAFI iaitu FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

Seramai hampir 420 ribu pengguna mendapat manfaat dan sasaran nilai jualan adalah sebanyak RM10.5 juta.



# LENSA MAFI

Kunjungan Hormat Delegasi daripada India, Jepun, Pakistan dan Singapura ke atas Pengurusan Tertinggi MAFI



Sesi temubual segmen RTM bersama YB Menteri MAFI sempena promosi MAHA 2022



Sesi temubual segmen MHI TV3 bersama Dato' KSU MAFI sempena promosi MAHA 2022



Bantuan MAFI Prihatin kepada mangsa banjir terutamanya dalam kalangan golongan petani, penternak dan nelayan.



Program Ibadah Agihan Daging Korban sempena Hari Raya Haji



Sesi temubual segmen Astro Awani bersama Dato' KSU MAFI sempena promosi MAHA 2022



Program Melabuhkan Tukun Tiruan Konkrit di perairan Pulau Nangka, Taman Laut Melaka.



Bengkel Siri 3 Fasa Formulasi Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan MAFI



Program Hari Peladang Penternak Nelayan negeri Kelantan yang dihadiri oleh YB TM II MAFI.



MAFI telah mengadakan sesi libat urus bersama McDonald's Malaysia bagi membincangkan potensi kerjasama bagi memperkukuhkan agenda sekuriti makanan negara







KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

# MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show

4 - 14 OGOS 2022 | MAEPS, SERDANG



-  @maha2022\_official
-  @ExpoMAHAOfficial
-  @expomaha2022
-  @expomaha
-  <https://mahaexpo.my/>

DENGAN KERJASAMA:



## SIDANG REDAKSI:

**PENAUNG:**  
YBHG. DATO'  
HASLINA BINTI  
ABDUL HAMID  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

**KETUA EDITOR:**  
SALMAH BINTI  
RAMLI

**EDITOR:**  
NURIL  
MUTMAINNAH  
ROSLAN

**PENULIS:**  
SARI NOR  
AMRIYAH  
  
SAIYASWARY  
A/P  
SURNARAYANA

**GRAFIK:**  
SURAIYA  
HANI BINTI  
ZAMARI  
  
NABILLAH  
ZAMRI

**JURU FOTO:**  
MOHD NAJIB  
BIN ABDUL  
JABAR  
  
KHAIRUL  
ANWAR

**IDEA, KONSEP &  
TERBITAN:**  
UNIT KOMUNIKASI  
KORPORAT, MAFI

NABILLAH  
ZAMRI